

**TEKS UCAPAN  
YANG HORMAT PROFESOR DATO' DR. DAING NASIR IBRAHIM  
NAIB CANSOLOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
SEMPENA  
MAJLIS KONVOKESYEN KE-11 UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
SESI KEEMPAT  
PADA HARI AHAD, 20 NOVEMBER 2016, PUKUL 2:00 PETANG  
DI DEWAN KOMPLEKS SUKAN UNIVERSITI, UMP KAMPUS GAMBANG**

---

**SALUTASI**

Yang Berbahagia Ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti;

Timbalan-timbalan Naib Naib Canselor dan Ahli-ahli Senat

Ketua-ketua Pusat Tanggungjawab;

Ahli-ahli akademik;

Yang Di-Pertua Majlis Perwakilan Pelajar;

Para ibu bapa yang dihormati;

Para graduan yang diraikan;

Tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi.

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,*

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

### **KATA PEMBUKA**

1. *Alhamdulillah*, sukalah saya merafakkan setinggi-tinggi rasa syukur ke hadrat Allah Ta'ala, kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, maka Sesi Keempat, Majlis Konvokesyen Ke-11 Universiti Malaysia Pahang ini telah selamat disempurnakan.
2. Justeru, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada semua 634 graduan dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan, Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian dan UMP Advanced Education Sdn Bhd yang telah menerima ijazah dan diploma masing-masing sebentar tadi.

3. Terima kasih juga diucapkan kepada wakil graduan yang juga penerima Anugerah Projek Sarjana Muda Terbaik, Saudara Sathis A/L Vatumalai dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan atas ucapan yang disampaikan tadi.
  
4. Bersempena detik bersejarah ini, saya ingin mengambil peluang untuk mengucapkan kepada para graduan yang menerima ijazah masing-masing pada petang ini, selamat datang ke komuniti insan terpelajar; *welcome to the community of educated men and women.*
  
5. Para graduan pada petang ini terbahagi kepada dua kumpulan iaitu graduan baharu (*fresh graduates*) dan graduan program pembelajaran sepanjang hayat dari kalangan mereka yang telah bekerja. Justeru, saya mempunyai pesanan yang berbeza untuk disampaikan kepada kedua-dua kumpulan graduan tersebut dan diikuti pesanan umum saya kepada semua yang hadir pada petang ini.

6. Pertamanya, buat semua graduan baharu, ingatlah bahawa pengijazahan hanyalah merupakan satu permulaan. Dengan bekalan ilmu yang ada, anda sekalian akan mula belajar membina kehidupan dan memberi makna kepadanya. Jadi kepada graduan sekalian, ingatlah bahawa realiti kehidupan tidak selalunya menjanjikan banyak pilihan kepada kita.
  
6. Dalam soal kerjaya umpamanya, realiti ekonomi dan pasaran buruh semasa perlu ditekuni supaya anda lebih memahami bahawa tidak semestinya jenis dan sifat profesion yang diinginkan boleh terus dicapai sekelip mata. Justeru, anda harus bersedia untuk membuat keputusan dengan pilihan-pilihan yang terbatas dalam menentukan kerjaya anda.
  
7. Christopher Columbus pernah menyatakan bahawa *“you can never cross the ocean unless you have the courage to lose sight of the shore.”* Bersedialah untuk membiasakan diri dengan persekitaran kerja yang mencabar dengan keselesaan yang minimum. Justeru, lasakkan minda, kentalkan jiwa dan kuatkan diri anda.

8. Kejayaan anda di alam kerjaya bergantung sepenuhnya kepada merit peribadi, kualiti profesional, kecekalan, kesabaran serta keberanian anda menerima cabaran, mengurus masalah serta mencari penyelesaian.
  
9. Albert Einstein pernah menyebut bahawa, *“education is not the learning of facts, it is the training of mind to think.”* Pemikiran positif yang mendasari kekuatan sendiri merupakan perisai yang membentengi anda daripada sifat negatif seperti cepat berputus-asa, mudah mengalah dengan kesusahan, lemah semangat kerana kerja yang banyak dan berat dan suka menyalahkan orang lain atas kegagalan diri sendiri.
  
10. Malah saya percaya dengan kesedaran tersebut, keluarga anda juga akan turut memahami realiti cabaran kerjaya anda sebagai proses pembelajaran dan latihan berterusan untuk anda lebih menghargai makna kehidupan ini.

11. Kepada graduan program pembelajaran sepanjang hayat kelolaan UMP Advanced Education Sdn Bhd pula, saya berharap bahawa ijazah Sarjana Eksekutif, Diploma Profesional dan Diploma Eksekutif yang kini menjadi milik anda akan menjadi pemangkin prestasi dan laluan kerjaya yang lebih cemerlang untuk anda selepas ini.
12. Saya percaya anda telah melalui pengalaman yang mencabar untuk membahagikan masa antara tuntutan kerjaya, tugas akademik dan komitmen keluarga bagi melengkapkan pengajian anda di sini berdasarkan mod yang telah ditetapkan.
13. Pengalaman tersebut mahal harganya. Justeru, manfaatkanlah kelayakan akademik yang telah diterima ini sebaik mungkin sebagai seorang pekerja berpengetahuan yang mampu menyumbang kepada kecemerlangan prestasi organisasi di mana anda sedang berkhidmat kini.

14. Dengan pengalaman dan kejayaan tersebut, saya berharap anda kini boleh pula berperanan sebagai duta UMP untuk mempromosikan program-program pembelajaran sepanjang hayat yang ditawarkan di UMP Advanced Education dalam kalangan rakan sekerja yang lain atau sesiapa sahaja yang berminat.

### **TANGGUNGJAWAB SEBAGAI GRADUAN DAN WARGANEGARA**

15. Saudara dan saudari, graduan sekalian,

Sesungguhnya, detik ini bukanlah milik anda semata-mata, tetapi perlu juga dikongsi dengan insan-insan yang bertanggungjawab membentuk anda sehingga terciptanya kejayaan ini.

16. Maka pada hemat saya, sewajibnya para ibu bapa, anggota keluarga dan ahli akademik diberikan penghargaan yang tinggi atas kemuliaan khidmat mereka dalam membimbing graduan sekalian menjadi insan yang berguna.

17. Pada masa yang sama, anda juga memikul kewajipan untuk menjadi warganegara yang patriotik dan bertanggungjawab penuh atas untung nasib dan masa depan negara tercinta ini. Tanggungjawab ini termasuklah melunaskan pinjaman pengajian anda kepada pihak penaja dan pembiaya secara konsisten.
18. Dengan pengalaman kampus yang telah ditimba sepanjang pengajian di sini, tibalah juga masanya untuk graduan sekalian menjadi anggota masyarakat yang mampu menyumbang manfaat dan memberi khidmat.
19. Inisiatif MyGift yang telah dilancarkan secara rasmi oleh UMP pada 1 Oktober 2016 yang lalu merupakan antara ruang yang disediakan untuk anda sekalian kembali menyumbang kepada Universiti ini dengan amal dan sedekah jariah melalui sepuluh dana yang diwujudkan di bawah inisiatif tersebut.



20. Inisiatif ini bukan sahaja mensasarkan anda sebagai penyumbang, tetapi juga organisasi yang menjadi majikan anda untuk turut serta dalam usaha meningkatkan kualiti pendidikan dan kesejahteraan mahasiswa melalui instrumen endowmen dan wakaf.

### **MAKLUMAN AM MAJLIS KONVOKESYEN KE-11**

### **DAN IKLIM SEMASA AKADEMIK**

21. Tuan-tuan dan puan-puan;

Sejak Majlis Konvokesyennya yang pertama pada tahun 2006, UMP sehingga kini telah menghasilkan seramai 16,725 orang graduan dalam pelbagai bidang dan peringkat pengajian.

22. Untuk Majlis Konvokesyen Ke-11 ini, seramai 2,465 orang graduan menerima ijazah dan diploma masing-masing. Daripada jumlah tersebut, seramai 43 orang merupakan graduan Doktor Falsafah, 144 orang graduan Sarjana, 54 graduan Sarjana Eksekutif, 1,615 orang graduan Sarjana Muda dan 321 orang graduan Diploma.
  
23. Majlis Konvokesyen Ke-11 ini turut mengabadikan pengiktirafan kepada dua orang tokoh melalui pengurniaan Ijazah Kehormat iaitu Yang Berbahagia Datuk Aminar Rashid Salleh iaitu Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Perusahaan Otomobil Kedua Sdn Bhd (PERODUA) yang menerima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Kejuruteraan Automotif) dan Profesor Dr. Karl-Heinz Meisel iaitu Presiden Karlsruhe University of Applied Sciences di Jerman yang menerima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Kejuruteraan Mekatronik).

24. Sejalan dengan Pelan Strategik UMP 2016-2020 yang kini sedang dilaksanakan, UMP komited untuk terus memartabatkan jenamanya ke arah menjadi sebuah universiti teknologi terunggul melalui inisiatif kualiti dari segi pembangunan intelek dan relevan industri serta masyarakat.
  
25. Selain inisiatif pengantarabangsaan sistem pendidikan dan kurikulum sebagaimana yang dilakukan oleh UMP dengan rakan kerjasama akademiknya di negara Jerman iaitu Karlsruhe Universiti of Applied Sciences dan Reutlingen University melalui penawaran program dwijjazah di peringkat Sarjana Muda, kecemerlangan Universiti ini turut bergantung kepada kualiti bakat insan yang dimilikinya.
  
26. Justeru, adalah menjadi keutamaan pihak pengurusan untuk melaksanakan inisiatif strategik secara berterusan untuk meningkatkan prestasi perkhidmatan 1,771 warga kerja dan pencapaian akademik 10,576 warga mahasiswanya yang terdiri daripada 9,293 orang prasiswazah dan 1,283 orang pasca siswazahnya.

27. Bagi memastikan kualiti pendidikan yang terbaik untuk para mahasiswa, maka tumpuan khusus diberikan kepada pengambilan tenaga pensyarah yang berkualiti dan berkepakaran.
28. Justeru, daripada keseluruhan 642 staf akademik, seramai 65.6% atau 421 orang memiliki kelayakan PhD dan 25% atau 160 orang dari kalangan mereka mempunyai pengalaman industri sekurang-kurangnya lima tahun.
29. Kelebihan ini membolehkan para mahasiswa mengikuti pengajian dengan pendedahan teori dan praktikal yang seimbang, sekaligus menyediakan mereka sebagai graduan yang kompeten dan kompetitif.

30. Walaupun berdepan dengan realiti ekonomi global yang mencabar kini, namun pihak pengurusan tetap komited untuk memastikan kadar Kebolehpasaran Graduan (*Graduate Employability*) Universiti ini berada pada tahap yang positif melalui pengelolaan pelbagai inisiatif yang bernilai tambah kepada kualiti dan daya saing mahasiswa UMP sebelum mereka menamatkan pengajian.

### **KATA PENUTUP DAN LAFAZ PENGISYTIHARAN ALUMNI**

31. Tuan-tuan, puan-puan dan para graduan yang dikasihi,

Penganugerahan ijazah kepada para graduan sebentar tadi menandakan pula satu ikatan baharu, iaitu antara anda sebagai alumni dengan UMP sebagai alma mater. Oleh itu, UMP menanti sumbangan khidmat anda dalam apa jua bentuk selepas ini sebagai alumni yang berbudi.

32. Justeru, sukalah saya menyarankan kepada graduan sekalian untuk tidak melupakan asal-usul anda. Kekalkanlah hubungan yang rapat dengan bekas pensyarah dan fakulti masing-masing bagi menentukan bentuk-bentuk khidmat sukarela dan inisiatif konstruktif yang dapat disalurkan bagi manfaat Universiti ini dan *juniors* anda selepas ini.
  
33. Dengan restu ibu bapa dan keluarga serta barakah ilmu dari para guru dan pensyarah, saya berdoa ke hadrat Allah Ta'ala mudah-mudahan graduan sekalian akan menjalani hidup yang penuh keberkatan sebagai anak yang soleh dan solehah serta warganegara yang tahu bersyukur dan membalas budi.
  
34. Saya juga mendoakan agar universiti, negeri dan negara ini terus dilimpahkan rahmat peliharaan Allah Ta'ala pada setiap masa dengan naungan keselamatan, kesejahteraan dan keberkatan, *Amin Ya Rabbal 'Alamin*.

35. Mengakhiri ucapan, saya dengan sukacitanya mengisytiharkan bahawa semua 634 graduan dalam Sesi Keempat, Majlis Konvokesyen Ke-11 pada petang ini secara rasminya kini bergelar Alumni Universiti Malaysia Pahang.

*Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah,*

*wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*